



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**KOPERASI**

**KETETAPAN UMUM NO. 7/2024**

**TARIKH PENERBITAN: 31 DISEMBER 2024**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**KOPERASI**

**Ketetapan Umum No. 7/2024  
Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2024**

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 16 November 2011

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

| <b>KANDUNGAN</b>                                                                                                                                | <b>Muka surat</b> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. Objektif                                                                                                                                     | 1                 |
| 2. Peruntukan Undang- Undang Berkaitan                                                                                                          | 1                 |
| 3. Tafsiran                                                                                                                                     | 1                 |
| 4. Definisi Koperasi                                                                                                                            | 2                 |
| 5. Layanan Cukai ke atas Koperasi                                                                                                               | 3                 |
| 6. Insentif Cukai bagi Projek Pengeluaran Makanan Yang Diluluskan                                                                               | 21                |
| 7. Insentif Cukai bagi Perbelanjaan Modal Yang Layak daripada Aktiviti Yang Layak atau Aktiviti Khas Yang Layak di Wilayah Ekonomi Pantai Timur | 23                |
| 8. Insentif Cukai ke atas Pendapatan Berkanun daripada Aktiviti Yang Layak atau Aktiviti Khas Yang Layak di Wilayah Ekonomi Pantai Timur        | 24                |
| 9. Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)                                                                                            | 25                |
| 10. Amaun yang Dibayar, Dikreditkan atau Diagihkan oleh Koperasi                                                                                | 26                |
| 11. Pindaan dan Pengemaskinian                                                                                                                  | 26                |
| 12. Penafian                                                                                                                                    | 27                |

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## **1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas koperasi yang didaftarkan di Malaysia.

## **2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967(ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 65A, 77A, 107C dan perenggan 12 dan 12A Jadual 6 ACP.

## **3. Tafsiran**

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Anggota” termasuklah seseorang atau sesuatu koperasi yang turut sama dalam permohonan pendaftaran sesuatu koperasi dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi itu dan seseorang atau sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota koperasi mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang kecilnya selepas pendaftaran.
- 3.2 “Dividen” bermaksud bahagian keuntungan sesuatu koperasi berdaftar yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka.
- 3.3 “Prinsip-prinsip koperasi” adalah termasuk—
  - (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
  - (b) kawalan demokratik oleh anggota;
  - (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
  - (d) autonomi dan kebebasan;
  - (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
  - (f) kerjasama antara koperasi; dan
  - (g) mengambil berat terhadap masyarakat;
- 3.4 “Syer” bermaksud bahagian dalam modal syer sesuatu koperasi berdaftar yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam koperasi berdaftar itu.
- 3.5 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

- 3.6 “Tarikh pendaftaran koperasi” bermaksud tarikh pendaftaran yang ditandatangani oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kecuali dibuktikan bahawa pendaftaran telah dibatalkan.
- 3.7 “Tempoh asas” bagi suatu tahun taksiran (TT) adalah tempoh perakaunan atau tahun kewangan berakhir, untuk kedua-dua pendapatan daripada punca perniagaan dan bukan perniagaan.
- 3.8 “Yuran” bermaksud jumlah wang yang disumbangkan pada lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam suatu koperasi dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya.

#### 4. Definisi Koperasi

- 4.1 Bagi tujuan cukai pendapatan, koperasi didefinisikan di bawah ACP sebagai mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 4.2 Pertubuhan yang mendapat layanan cukai khusus di bawah seksyen 65A ACP adalah seperti berikut:
  - (a) mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502];
  - (b) mana-mana pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] tetapi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (contoh: bank koperasi); dan
  - (c) mana-mana pertubuhan lain yang ditubuhkan di bawah akta lain, tidak didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993, tetapi mendapat status yang sama dengan koperasi di bawah definisi koperasi dalam seksyen 2 ACP. Pertubuhan ini adalah—
    - (i) Pertubuhan Peladang (didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]); dan
    - (ii) Persatuan Nelayan (didaftarkan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 [Akta 44]).
- 4.3 Koperasi yang didaftarkan di luar Malaysia tidak tertakluk kepada KU ini dan dikenakan cukai seperti syarikat bukan pemastautin.
- 4.4 Sesebuah koperasi dikehendaki mengagihkan sebahagian daripada keuntungan bersih beraudit bagi setiap tahun kewangan kepada kumpulan wang rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Amaun tersebut ditentukan oleh

peraturan koperasi ke atas harta dan wang koperasi yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 atau kementerian berkaitan.

## **5. Layanan Cukai Ke Atas Koperasi**

5.1 Bagi tujuan cukai pendapatan, tidak terdapat prinsip bersama dalam koperasi. Cukai dikenakan ke atas pendapatan yang diterima daripada kedua-dua aktiviti bersama dan bukan bersama. Contoh pendapatan daripada aktiviti bersama adalah faedah, fi pemprosesan dan yuran keanggotaan yang diterima oleh koperasi daripada anggota dan staf.

5.2 Pendapatan bercukai bagi koperasi dikira mengikut aturan yang ditetapkan di bawah seksyen 5 ACP. Perbelanjaan yang dibenarkan potongan dalam pengiraan pendapatan larasan koperasi adalah perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan. Perbelanjaan persendirian dan berbentuk modal di bawah seksyen 39 ACP adalah tidak dibenarkan.

Dalam mengira pendapatan bercukai bagi koperasi, potongan khusus diberi di bawah perenggan 65A(a) dan (b) ACP.

5.3 Potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP

Amaun potongan daripada jumlah pendapatan adalah jumlah yang dipindahkan atau dibayar oleh koperasi dalam tempoh asas untuk suatu TT kepada—

- (a) suatu kumpulan wang rizab berkanun;
- (b) mana-mana institusi pelajaran dan/atau pertubuhan koperasi yang diwujudkan untuk memajukan prinsip-prinsip koperasi;
- (c) Tabung Amanah Pendidikan Koperasi; atau
- (d) Tabung Amanah Pembangunan Koperasi

seperti mana yang dikehendaki di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.

Walau bagaimanapun, potongan maksimum yang dibenarkan di bawah perenggan ini tidak boleh melebihi 25% daripada keuntungan bersih beraudit koperasi bagi tempoh asas tersebut.

5.4 Potongan di bawah perenggan 65A(b) ACP

5.4.1 Amaun potongan adalah bersamaan dengan 8% (atau peratusan tertentu yang ditetapkan) daripada kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas bagi suatu TT.

5.4.2 Kumpulan wang anggota seperti yang dinyatakan di bawah subperenggan 12(2) Jadual 6 ACP bermaksud jumlah terkumpul daripada—

- (a) modal berbayar (berhubung dengan syer dan yuran dan tidak termasuk apa-apa amaun berhubung syer bonus yang diterbitkan daripada rizab modal yang diwujudkan oleh penilaian semula aset tetap);
- (b) kumpulan wang rizab berkanun;
- (c) rizab (selain daripada rizab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan dalam nilai aset);
- (d) baki akaun premium syer (tidak termasuk amaun yang dikreditkan semasa syer bonus diterbitkan pada premium daripada rizab modal yang diwujudkan oleh penilaian semula aset tetap); dan
- (e) baki akaun pengasingan untung dan rugi.

5.4.3 Definisi “kumpulan wang anggota” di subperenggan 12(2) Jadual 6 ACP secara khusus mengeluarkan rizab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan dalam nilai aset.

Ini bermakna rizab modal yang wujud daripada keuntungan yang tidak terealis (tidak mempunyai nilai wang sebenar) adalah tidak termasuk dalam pengiraan “kumpulan wang anggota”. Contohnya, lebih daripada penilaian semula aset tetap tetapi aset tersebut belum dilupuskan, peruntukan susut nilai dan lain-lain peruntukan yang dibuat bagi tujuan perekodan perakaunan perlu dikeluarkan daripada pengiraan “kumpulan wang anggota”.

Rizab yang boleh diambil kira dalam pengiraan “kumpulan wang anggota” adalah rizab modal dan rizab hasil yang wujud daripada keuntungan yang terealis (yang telah ditukar kepada wang) sahaja. Sebagai contoh, rizab modal daripada keuntungan pelupusan aset atau syer. Rizab hasil pula ialah rizab yang diwujudkan bagi pelbagai kegunaan perniagaan yang diasingkan daripada keuntungan terkumpul. Antara contoh rizab hasil adalah rizab kebajikan pekerja atau rizab penebusan semula syer.

Koperasi kebiasaannya akan menerima bantuan subsidi atau geran daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Rizab yang diwujudkan bagi menyelenggara penerimaan



geran ini tidak termasuk dalam maksud rizab bagi tujuan pengiraan “kumpulan wang anggota”.

Subsidi atau geran yang diterima oleh mana-mana orang daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah dikecualikan cukai di peringkat pendapatan kasar melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) 2006 [*P.U.(A) 207/2006*]. Bagi tujuan cukai pendapatan, orang tersebut hendaklah menyimpan rekod berasingan bagi pendapatan subsidi atau geran bagi memastikan kegunaannya selaras dengan tujuan pemberian tersebut.

Di samping itu, berdasarkan subseksyen 52(1) Akta Koperasi 1993, koperasi boleh menerima deposit dan meminjam wang daripada anggotanya dan di bawah subseksyen 52(2) Akta Koperasi 1993, koperasi boleh meminjam wang daripada orang yang bukan anggota koperasi untuk tujuan tertentu. Simpanan atau deposit serta pinjaman yang diambil daripada anggota atau bukan anggota merupakan tanggungan kepada koperasi, di mana koperasi mempunyai obligasi untuk membayar balik amaun deposit atau pinjaman termasuk faedah apabila cukup tempohnya. Akaun simpanan anggota atau deposit dan akaun pinjaman anggota bukan sebahagian daripada kumpulan wang anggota kerana—

- (a) akaun simpanan anggota adalah simpanan anggota yang boleh ditambah atau dikeluarkan oleh anggota dan faedah atau dividen akan dibayar ke atas simpanan tersebut; dan
- (b) akaun pinjaman anggota adalah pinjaman yang diberi oleh anggota kepada koperasi yang mana anggota akan menerima faedah atas pinjaman yang diberikan.

## **Penentuan kumpulan wang anggota**

### **Contoh 1**

Koperasi Pengguna Berhad (KPB) telah didaftarkan sebagai koperasi pada 1.1.2015. Aktiviti utama KPB ialah mengendalikan perniagaan barangan elektrik pengguna yang dibiayai sepenuhnya oleh anggota dan dibuka kepada orang awam.

Berdasarkan akaun beraudit KPB bagi tahun berakhir 31.12.2022, maklumat liabiliti dan ekuiti di dalam-kunci kira-kira pada 1.1.2022 adalah seperti berikut:

| <b>Liabiliti</b>             | <b>RM</b>             |
|------------------------------|-----------------------|
| Akaun simpanan anggota       | 335,000               |
| Akaun pinjaman anggota       | <u>25,000</u>         |
|                              | <u>360,000</u>        |
| <b>Ekuiti</b>                |                       |
| Modal syer anggota           | 16,200                |
| Modal yuran anggota          | 580,000               |
| Kumpulan wang rizab berkanun | 150,000               |
| Keuntungan terkumpul         | <u>175,000</u>        |
| <b>Jumlah</b>                | <u><b>921,200</b></u> |

Kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas bagi TT 2022, iaitu pada 1.1.2022 dikira seperti berikut:

|                              | <b>RM</b>             |
|------------------------------|-----------------------|
| Modal syer anggota           | 16,200                |
| Modal yuran anggota          | 580,000               |
| Kumpulan wang rizab berkanun | 150,000               |
| Keuntungan terkumpul         | <u>175,000</u>        |
| Kumpulan wang anggota        | <u><b>921,200</b></u> |

**Nota:**

Akaun simpanan anggota berjumlah RM335,000 dan akaun pinjaman anggota berjumlah RM25,000 bukan sebahagian daripada kumpulan wang anggota:

- (a) Akaun simpanan anggota adalah simpanan anggota yang boleh ditambah atau dikeluarkan oleh anggota dan faedah atau dividen akan dibayar ke atas simpanan tersebut; dan
- (b) Akaun pinjaman anggota adalah pinjaman yang diberi oleh anggota kepada koperasi yang mana anggota akan menerima faedah atas pinjaman yang diberikan.

## Contoh 2

Koperasi Dana Bersama (KDB) telah didaftarkan sebagai koperasi pada tahun 2017. Aktiviti utama KDB ialah menyediakan perkhidmatan kewangan dan kredit kepada anggota koperasi. Konsep aktiviti di KDB adalah menerima dana daripada anggota sebagai simpanan anggota dan memberi perkhidmatan kemudahan pembiayaan kepada anggota dan rangkaian koperasi lain.

Pada tahun 2021, KDB juga telah menerbitkan Syer Keutamaan Islamik Boleh Tebus dan Boleh Tukar (Islamic Redeemable Convertible Preference Shares, IRCPS) bernilai RM100 juta dan syer keutamaan ini telah dilanggan oleh sebuah koperasi lain dengan syarat kadar dividen tetap sebanyak 5% setiap tahun dan syer keutamaan ini perlu ditebus balik oleh KDB pada tahun ke lima.

Berdasarkan akaun beraudit KDB bagi tahun berakhir 31.12.2022, maklumat liabiliti dan ekuiti di dalam penyata kedudukan kewangan pada 1.1.2022 adalah seperti berikut:

| <b>Liabiliti</b>             | <b>RM(000)</b>          |
|------------------------------|-------------------------|
| Akaun simpanan anggota       | 445,000                 |
| Pinjaman overdraf            | <u>20,000</u>           |
|                              | <u>465,000</u>          |
| <b>Ekuiti</b>                |                         |
| Modal syer anggota           | 16,000                  |
| Syer keutamaan (IRCPS)       | 100,000                 |
| Modal yuran anggota          | 580,000                 |
| Kumpulan wang rizab berkanun | 150,000                 |
| Keuntungan terkumpul         | <u>175,000</u>          |
| <b>Jumlah</b>                | <b><u>1,021,000</u></b> |

Kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas bagi TT 2022, iaitu pada 1.1.2022 dikira seperti berikut:

|                              | <b>RM(000)</b> |
|------------------------------|----------------|
| Modal syer anggota           | 16,000         |
| Modal yuran anggota          | 580,000        |
| Kumpulan wang rizab berkanun | 150,000        |
| Keuntungan terkumpul         | <u>175,000</u> |
| Kumpulan wang anggota        | <u>921,000</u> |

**Nota:**

Akaun simpanan anggota berjumlah RM445 juta, pinjaman overdraf berjumlah RM20 juta dan syer keutamaan (IRCPS) bernilai RM100 juta bukan sebahagian daripada kumpulan wang anggota kerana—

- (a) akaun simpanan anggota adalah simpanan anggota yang boleh ditambah atau dikeluarkan oleh anggota dan faedah atau dividen akan dibayar ke atas simpanan tersebut;
- (b) pinjaman overdraf adalah pinjaman daripada bank yang perlu dibayar balik oleh koperasi dan bank tersebut akan mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikan; dan
- (c) syer keutamaan tersebut adalah bercirikan instrumen hutang kerana ia mempunyai syarat dividen tetap dan wajib ditebus semula pada tarikh matang.

**5.5 Pengecualian daripada membayar cukai pendapatan di bawah Jadual 6 ACP**

- 5.5.1 Mana-mana koperasi yang baharu didaftarkan adalah dikecualikan daripada cukai ke atas mana-mana pendapatan bagi tempoh lima (5) tahun pertama bermula dari tarikh pendaftarannya (subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP); dan
- 5.5.2 Mana-mana koperasi yang telah berdaftar lebih daripada lima (5) tahun dikecualikan daripada cukai, hanya jika kumpulan wang anggota pada hari pertama bagi tempoh asas untuk suatu TT adalah kurang daripada RM750,000 (subsubperenggan 12(1)(b) Jadual 6 ACP).

### Contoh 3

#### Penentuan pengenaan cukai pendapatan bagi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran koperasi

| Suatu koperasi telah didaftarkan pada 1.9.2017 dan akaun ditutup pada 30 Jun setiap tahun.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                      |                |           |                                                                                                                         |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Tempoh Asas          | Bilangan Bulan |           | Status Cukai                                                                                                            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                      | Semasa         | Kumulatif |                                                                                                                         |
| 2018                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.9.2017 - 30.6.2018 | 10             | 10        | Pengecualian cukai ke atas semua pendapatan                                                                             |
| 2019                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.7.2018 - 30.6.2019 | 12             | 22        |                                                                                                                         |
| 2020                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.7.2019 - 30.6.2020 | 12             | 34        |                                                                                                                         |
| 2021                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.7.2020 - 30.6.2021 | 12             | 46        |                                                                                                                         |
| 2022                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.7.2021 - 30.6.2022 | 12             | 58        |                                                                                                                         |
| 2023                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 1.7.2022 - 31.8.2022 | 2              | 60        | Bagi 10 bulan yang berikutnya, status cukai bergantung kepada amaun kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | 1.9.2022 - 30.6.2023 | 10             | 70        |                                                                                                                         |
| Koperasi ini dikecualikan cukai pendapatan bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tarikh pendaftaran iaitu 1.9.2017 hingga 31.8.2022. Ini bermakna tiada cukai pendapatan dikenakan bagi TT 2018 hingga TT 2022. Bagi tahun taksiran 2023, koperasi dikecualikan cukai bagi tempoh 2 bulan pertama manakala cukai dikenakan bagi tempoh 10 bulan berikutnya bergantung kepada amaun kumpulan wang anggota pada 1.7.2022. Pengecualian cukai tidak terpakai sekiranya amaun kumpulan wang anggota adalah RM750,000 atau lebih. |                      |                |           |                                                                                                                         |

#### Contoh 4

#### Penentuan pengenaan cukai pendapatan selepas tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran koperasi

Lanjutan kepada contoh 3, selepas lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran, koperasi dikehendaki mengira amaun kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas untuk setiap TT untuk menentukan sama ada koperasi dikecualikan cukai bagi tahun taksiran tersebut.

| TT   | Tempoh Asas                                           | Status cukai                                                                                                                |
|------|-------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2023 | 1.9.2022 – 30.6.2023<br>(tempoh asas selepas 5 tahun) | Pengecualian ke atas pendapatan tertakluk kepada amaun kumpulan wang anggota pada hari pertama tempoh asas untuk setiap TT. |
| 2024 | 1.7.2023 – 30.6.2024                                  |                                                                                                                             |
| 2025 | 1.7.2024 – 30.6.2025                                  |                                                                                                                             |

- Bagi tempoh 1.9.2022 hingga 30.6.2023, koperasi layak mendapat pengecualian sekiranya kumpulan wang anggota pada 1.7.2022 kurang daripada RM750,000. Sekiranya kumpulan wang anggota pada 1.7.2022 adalah RM750,000 atau lebih, pendapatan bagi tempoh 1.7.2022 hingga 31.8.2022 dikecualikan cukai (termasuk dalam tempoh 5 tahun pertama) manakala pendapatan bagi tempoh 1.9.2022 hingga 30.6.2023 dikenakan cukai (tempoh selepas 5 tahun).
- Sekiranya kumpulan wang anggota pada 1.7.2023 dan 1.7.2024 adalah RM750,000 atau lebih, pendapatan bagi TT 2024 dan TT 2025 dikenakan cukai pendapatan.

#### 5.6 Kadar cukai

Koperasi dikenakan cukai pada kadar skala seperti yang diperuntukkan di Bahagian IV, Jadual 1 ACP.

#### 5.7 Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar

Pendapatan koperasi yang layak mendapat pengecualian cukai akan ditentukan di peringkat pendapatan yang boleh dikenakan cukai. Oleh itu, walaupun koperasi layak pengecualian cukai pendapatan bagi sesuatu TT, pendapatan larasan atau kerugian larasan serta elaun modal untuk TT tersebut hendaklah ditentukan. Apa-apa kerugian larasan dan lebihan elaun modal yang tidak dapat diserap boleh dihantar hadapan ke TT berikutnya.

### Contoh 5

**Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan dan layanan ke atas kerugian dan elaun modal yang tidak dapat diserap**

Koperasi Sepadu Berhad (KSB) telah didaftarkan pada 1.1.2018 dan akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan larasan perniagaan, kerugian larasan perniagaan, elaun modal dan amaun kumpulan wang anggota adalah seperti berikut:

| TT   | Tempoh Asas           | Pendapatan Larasan Atau (Kerugian Larasan) Perniagaan (RM) | Elaun Modal (RM) | Kumpulan Wang Anggota Pada Hari Pertama Tempoh Asas (RM) | Status Cukai                                                                          |
|------|-----------------------|------------------------------------------------------------|------------------|----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| 2018 | 1.1.2018 - 31.12.2018 | 170,000                                                    | 120,000          | 430,000                                                  | Dikecualikan cukai tanpa mengambil kira amaun kumpulan wang anggota                   |
| 2019 | 1.1.2019 - 31.12.2019 | 190,000                                                    | 90,000           | 480,000                                                  |                                                                                       |
| 2020 | 1.1.2020 - 31.12.2020 | 140,000                                                    | 85,000           | 520,000                                                  |                                                                                       |
| 2021 | 1.1.2021 - 31.12.2021 | 150,000                                                    | 160,000          | 760,000                                                  |                                                                                       |
| 2022 | 1.1.2022 – 31.12.2022 | (80,000)                                                   | 90,000           | 780,000                                                  |                                                                                       |
| 2023 | 1.1.2023 - 31.12.2023 | 440,000                                                    | 100,000          | 810,000                                                  | Dikenakan cukai kerana kumpulan wang anggota adalah RM750,000 dan lebih pada 1.1.2023 |

| TT   | Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan                                                                                                                                                                       | RM                                                                    |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|
|      | <b>KSB layak mendapat pengecualian cukai bagi TT 2018- TT 2022 ke atas mana-mana pendapatan bagi tempoh lima (5) tahun mulai dari tarikh pendaftaran (subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP).</b>                                       |                                                                       |
| 2018 | Pendapatan larasan perniagaan<br>Tolak : Elaun modal<br>Pendapatan berkanun perniagaan<br>Tolak: 8% x 430,000 (perenggan 65A(b) ACP)<br>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan (subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP) | 170,000<br><u>120,000</u><br>50,000<br><u>34,400</u><br><u>15,600</u> |
| 2019 | Pendapatan larasan perniagaan<br>Tolak : Elaun modal<br>Pendapatan berkanun perniagaan<br>Tolak: 8% x 480,000 (perenggan 65A(b) ACP)<br>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan(subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP)  | 190,000<br><u>90,000</u><br>100,000<br><u>38,400</u><br><u>61,600</u> |
| 2020 | Pendapatan larasan perniagaan<br>Tolak : Elaun modal<br>Pendapatan berkanun perniagaan<br>Tolak: 8% x 520,000 (perenggan 65A(b) ACP)<br>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan (subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP) | 140,000<br><u>85,000</u><br>55,000<br><u>41,600</u><br><u>13,400</u>  |



|      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                            |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2021 | Pendapatan larasan perniagaan<br>Tolak : Elaun modal<br>Pendapatan berkanun perniagaan<br>[Elaun modal hantar hadapan=RM10,000]                                                                                                                                                                                      | 150,000<br><u>160,000</u><br><u>Tiada</u>                                                                  |
| 2022 | Pendapatan larasan perniagaan<br>[Rugi larasan hantar hadapan =RM80,000]<br>Tolak :<br>Elaun modal bawa hadapan = RM10,000<br>Elaun modal tahun semasa = <u>RM90,000</u><br>Elaun modal hantar hadapan= <u>RM100,000</u><br>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai                                                    | -<br><br><br><br><br><u>Tiada</u>                                                                          |
|      | <b>KSB dikenakan cukai bagi TT 2023 kerana kumpulan wang anggota pada 1.1.2023 adalah melebihi daripada RM750,000.</b>                                                                                                                                                                                               |                                                                                                            |
| 2023 | Pendapatan larasan perniagaan<br>Tolak :<br>Elaun modal bawa hadapan =RM100,000<br>Elaun modal tahun semasa =RM100,000<br>Pendapatan berkanun perniagaan<br>Tolak: Rugi bawa hadapan<br>Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan<br>Tolak: 8% x 810,000 (perenggan 65A(b) ACP)<br>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai | 440,000<br><br><br><u>200,000</u><br>240,000<br><u>80,000</u><br>160,000<br><u>64,800</u><br><u>95,200</u> |

**Nota:**

Pengiraan di atas adalah dengan andaian bahawa tiada potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP.

### Contoh 6

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar selepas lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang anggota RM750,000 dan lebih)

| Maklumat dalam akaun beraudit                                                  |                  |
|--------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| Kunci kira-kira pada 31.12.2023                                                | RM               |
| <b>Sumbangan dalam tempoh asas:</b>                                            |                  |
| ▪ Kumpulan wang rizab berkanun                                                 | 17,482           |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan                                              | 2,914            |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan                                             | 1,749            |
| <b>Jumlah</b>                                                                  | <b>22,145</b>    |
| <b>Kumpulan Wang Anggota pada 1.1.2023</b>                                     |                  |
| ▪ Modal syer anggota                                                           | 40,700           |
| ▪ Modal yuran anggota                                                          | 1,208,790        |
| ▪ Kumpulan wang penebusan syer                                                 | 4,200            |
| ▪ Keuntungan terkumpul                                                         | 80,468           |
| ▪ Kumpulan wang rizab berkanun                                                 | 123,373          |
| <b>Jumlah</b>                                                                  | <b>1,457,531</b> |
| <b>Untung bersih beraudit bagi tahun berakhir 31.12.2023</b>                   | <b>145,687</b>   |
| <b>Pendapatan berkanun</b>                                                     |                  |
| ▪ Untung perniagaan                                                            | 48,795           |
| ▪ Komisen produk pengguna                                                      | 35,192           |
| ▪ Faedah                                                                       | 84,530           |
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                      | <b>168,517</b>   |
| <b>Derma: Tunai kepada organisasi diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP</b> | <b>10,000</b>    |

| Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar                                     | RM                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                                                  | <b>168,517</b>       |
| Tolak: Derma                                                                                               | 10,000               |
| <b>Jumlah pendapatan</b>                                                                                   | <b>158,517</b>       |
| Tolak potongan:                                                                                            |                      |
| ▪ Perenggan 65A(a) ACP = 22,145                                                                            |                      |
| dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana lebih rendah<br>(25% x 145,687) = 36,422 | 22,145               |
| ▪ Perenggan 65A(b) ACP<br>8% daripada kumpulan wang anggota( 8% x 1,457,531 )                              | <u>116,602</u>       |
| Jumlah                                                                                                     | <u>138,747</u>       |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai</b>                                                               | <b><u>19,770</u></b> |
| <b>Cukai pendapatan dikenakan</b>                                                                          |                      |
| ▪ Cukai atas RM 30,000 yang pertama                                                                        | -                    |
| Tolak: Bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP                                                           | <u>300.00</u>        |
| <b>Baki cukai terlebih bayar</b>                                                                           | <b><u>300.00</u></b> |

### Contoh 7

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar selepas lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang anggota RM750,000 dan lebih) dalam keadaan kes kerugian terkumpul

| Maklumat dalam akaun beraudit          |           |
|----------------------------------------|-----------|
| <b>Kunci kira-kira pada 31.12.2023</b> | <b>RM</b> |
| <b>Sumbangan dalam tempoh asas:</b>    |           |
| ▪ Kumpulan wang rizab berkanun         | 17,482    |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan      | 2,914     |

|                                                                                      |                  |
|--------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan</li> </ul> | 1,749            |
| <b>Jumlah</b>                                                                        | <b>22,145</b>    |
| <b>Kumpulan Wang Anggota pada 1.1.2023</b>                                           |                  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Modal syer</li> </ul>                       | 40,700           |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Modal yuran anggota</li> </ul>              | 1,208,790        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kumpulan wang penebusan syer</li> </ul>     | 4,200            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kerugian terkumpul</li> </ul>               | (80,468)         |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kumpulan wang rizab berkanun</li> </ul>     | 123,373          |
| <b>Jumlah</b>                                                                        | <b>1,296,595</b> |

|                                                                                |                |
|--------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| <b>Untung bersih beraudit bagi tahun berakhir 31.12.2023</b>                   | <b>145,687</b> |
| <b>Pendapatan berkanun</b>                                                     |                |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Untung perniagaan</li> </ul>          | 48,795         |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Komisen produk pengguna</li> </ul>    | 35,192         |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Faedah</li> </ul>                     | 84,530         |
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                      | <b>168,517</b> |
| <b>Derma: Tunai kepada organisasi diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP</b> | <b>10,000</b>  |

| <b>Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar</b>     |  | <b>RM</b>      |
|-----------------------------------------------------------------------------------|--|----------------|
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                         |  | <b>168,517</b> |
| Tolak: Derma                                                                      |  | <u>10,000</u>  |
| <b>Jumlah pendapatan</b>                                                          |  | <b>158,517</b> |
| Tolak potongan:                                                                   |  |                |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perenggan 65A(a) ACP = 22,145</li> </ul> |  |                |
| dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana lebih rendah    |  |                |
| (25% x 145,687) = 36,422                                                          |  | 22,145         |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perenggan 65A(b) ACP</li> </ul>          |  |                |
| 8% daripada kumpulan wang anggota(8% x 1,296,595)                                 |  | <u>103,727</u> |

|                                                  |                       |
|--------------------------------------------------|-----------------------|
| <b>Jumlah</b>                                    | <b><u>125,872</u></b> |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai</b>     | <b><u>32,645</u></b>  |
| <b>Cukai pendapatan dikenakan</b>                |                       |
| ▪ Cukai atas RM30,000 pertama                    | -                     |
| ▪ Cukai atas tambahan RM2,645 pada kadar 5%      | <u>132.25</u>         |
| <b>Jumlah</b>                                    | 132.25                |
| Tolak: Bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP | <u>300.00</u>         |
| <b>Baki cukai terlebih bayar</b>                 | <b><u>167.75</u></b>  |

#### Contoh 8

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar selepas lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang anggota RM750,000 atau lebih) dalam keadaan di mana amaun yang perlu dipindahkan atau dibayar melebihi 25% daripada keuntungan bersih beraudit.

| Maklumat dalam akaun beraudit              |                  |
|--------------------------------------------|------------------|
| Kunci kira-kira pada 31.12.2023            | RM               |
| <b>Sumbangan dalam tempoh asas:</b>        |                  |
| ▪ Kumpulan wang rizab berkanun             | 766,035          |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan          | 166,529          |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan         | 233,141          |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>1,165,705</b> |
| <b>Kumpulan Wang Anggota pada 1.1.2023</b> |                  |
| ▪ Modal syer anggota                       | 372,070          |
| ▪ Modal yuran anggota                      | 41,915           |
| ▪ Kumpulan wang institusi pendidikan       | 378,085          |
| ▪ Kumpulan wang kebajikan anggota          | 194,450          |
| ▪ Kumpulan wang penebusan syer             | 400,000          |
| ▪ Kumpulan wang agihan dividen             | 80,000           |
| ▪ Akaun simpanan anggota                   | 20,000           |

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                              |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun pinjaman anggota</li> <li>Kumpulan wang rizab berkanun</li> <li>Akaun keuntungan atau kerugian terkumpul</li> </ul>                                                                                                                                                                                       | <p>30,000</p> <p>340,000</p> <p>1,385,780</p>                |
| <b>Jumlah</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>3,242,300</b>                                             |
| <b>Untung bersih beraudit bagi tahun berakhir 31.12.2023</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <b>3,330,587</b>                                             |
| <b>Pendapatan berkanun</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untung perniagaan</li> <li>Untung mudarabah atas deposit tetap</li> <li>Sewa</li> <li>Yuran anggota</li> </ul>                                                                                                                                                                       | <p>2,186,008</p> <p>681,200</p> <p>235,785</p> <p>70,200</p> |
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <b>3,173,193</b>                                             |
| <b>Derma:</b> Tunai untuk kemudahan perpustakaan di bawah subseksyen 44(8) ACP                                                                                                                                                                                                                                                                         | <b>25,000</b>                                                |
| <b>Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar</b> <span style="float: right;"><b>RM</b></span>                                                                                                                                                                                                                             |                                                              |
| <b>Pendapatan agregat</b><br>Tolak: Derma (terhad kepada RM20,000)                                                                                                                                                                                                                                                                                     | <p><b>3,173,193</b></p> <p><u>20,000</u></p>                 |
| <b>Jumlah pendapatan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>3,153,193</b>                                             |
| Tolak potongan: <ul style="list-style-type: none"> <li>Perenggan 65A(a) ACP = 1,165,705<br/>dibandingkan dengan 25% daripada<br/>untung bersih beraudit yang mana<br/>lebih rendah(<math>25\% \times 3,330,587</math>) = 832,647</li> <li>Perenggan 65A(b) ACP<br/>8% daripada kumpulan wang<br/>anggota(<math>8\% \times 3,192,300</math>)</li> </ul> | <p>832,647</p> <p><u>255,384</u></p>                         |
| <b>Nota:</b><br>Akaun simpanan anggota berjumlah RM20,000 dan akaun pinjaman anggota berjumlah RM30,000 bukan sebahagian daripada kumpulan wang anggota.                                                                                                                                                                                               |                                                              |

|                                                  |                         |
|--------------------------------------------------|-------------------------|
| <b>Jumlah</b>                                    | <b><u>1,088,031</u></b> |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai</b>     | <b><u>2,065,162</u></b> |
| <b>Cukai pendapatan dikenakan</b>                |                         |
| ▪ Cukai atas RM 750,000 pertama                  | 141,000.00              |
| ▪ Cukai atas tambahan RM1,315,162 pada kadar 24% | <u>315,638.88</u>       |
| <b>Jumlah</b>                                    | <b>456,638.88</b>       |
| Tolak: Bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP | <u>440,000.00</u>       |
| <b>Baki cukai kena bayar</b>                     | <b><u>16,638.88</u></b> |

**Nota:**

Amaun potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP dihadkan kepada 25% daripada keuntungan bersih beraudit iaitu RM832,647. Lebihan sumbangan tidak dibenarkan dihantar hadapan ke TT berikutnya.

**Contoh 9**

**Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar selepas 5 tahun pendaftaran koperasi (kumpulan wang anggota RM750,000 dan lebih) dalam kes di mana amaun potongan di bawah seksyen 65A ACP melebihi jumlah pendapatan.**

| <b>Maklumat dalam akaun beraudit</b>       |               |
|--------------------------------------------|---------------|
| <b>Kunci kira-kira pada 31.12.2023:</b>    | <b>RM</b>     |
| <b>Sumbangan dalam tempoh asas:</b>        |               |
| ▪ Kumpulan wang rizab berkanun             | 27,670        |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan          | 4,612         |
| ▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan         | 2,306         |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>34,588</b> |
| <b>Kumpulan Wang Anggota pada 1.1.2023</b> |               |
| ▪ Modal syer                               | 593,780       |
| ▪ Modal yuran anggota                      | 1,341,915     |
| ▪ Kumpulan wang penebusan syer             | 178,085       |

|                                                                                                                 |                                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Keuntungan terkumpul</li> <li>Kumpulan wang rizab berkanun</li> </ul>    | <p>994,450</p> <p>240,000</p>              |
| <b>Jumlah</b>                                                                                                   | <b>3,348,230</b>                           |
| <b>Untung bersih beraudit pada 31.12.2023</b>                                                                   | <b>230,587</b>                             |
| <b>Pendapatan berkanun</b>                                                                                      |                                            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Untung perniagaan</li> <li>Faedah atas simpanan</li> <li>Sewa</li> </ul> | <p>118,602</p> <p>31,200</p> <p>85,480</p> |
| <b>Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan</b>                                                                    | <b>235,282</b>                             |
| <b>Derma:</b> Hadiah lukisan di bawah subseksyen 44(11)ACP                                                      | <b>11,000</b>                              |

| <b>Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena dibayar</b>                                                                                                                   |                | <b>RM</b>             |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-----------------------|
| <b>Pendapatan agregat</b>                                                                                                                                                                       |                | <b>235,282</b>        |
| Tolak: Derma                                                                                                                                                                                    |                | <u>11,000</u>         |
| <b>Jumlah pendapatan</b>                                                                                                                                                                        |                | <b>224,282</b>        |
| Tolak potongan:                                                                                                                                                                                 |                |                       |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Perenggan 65A(a) ACP = 34,588</li> <li>dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana lebih rendah (25%X 230,587) = 57,647</li> </ul> | 34,588         |                       |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Perenggan 65A(b) ACP</li> <li>8% daripada kumpulan wang anggota (8% x 3,348,230)</li> </ul>                                                              | <u>267,858</u> |                       |
| <b>Jumlah</b>                                                                                                                                                                                   |                | <b><u>302,446</u></b> |
|                                                                                                                                                                                                 | Terhad         | <b>224,282</b>        |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai</b>                                                                                                                                                    |                | <b>0</b>              |
| <b>Cukai pendapatan dikenakan</b>                                                                                                                                                               |                | <b>0</b>              |
| Tolak: Bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP                                                                                                                                                |                | 36,000.00             |
| <b>Baki cukai terlebih bayar</b>                                                                                                                                                                |                | <b>36,000.00</b>      |



**Nota:**

Amaun potongan di bawah perenggan 65A(a) dan 65A(b) ACP sebanyak RM302,446 dihadkan kepada jumlah pendapatan RM224,282. Lebihan tidak dibenarkan dihantar hadapan ke TT berikutnya.

**6. Insentif cukai bagi projek pengeluaran makanan yang diluluskan**

6.1 Perundangan subsidiari yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [*P.U.(A) 51/2006*] berkenaan dengan projek baharu berkuat kuasa mulai TT 2001 dan berkenaan dengan projek pembesaran berkuat kuasa mulai TT 2002;
- (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2011 [*P.U.(A) 166/2011*] berkenaan projek baharu atau projek pembesaran berkuat kuasa mulai 1.10.2005;
- (c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [*P.U.(A) 373/2020*] berkenaan projek pengeluaran makanan baharu atau projek pembesaran berkuat kuasa mulai 1.1.2016; dan
- (d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 (Pindaan) 2022 [*P.U.(A) 352/2022*] disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 kecuali perenggan 4 berhubung dengan subsubperenggan 5A(1)(f) dan (g) yang baharu bagi Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [*P.U.(A) 373/2020*] yang disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1.1.2021.

6.2 Koperasi berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Persekutuan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan dan Persatuan Nelayan Negeri dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkaitan dengan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan.

Permohonan bagi insentif projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan hendaklah dibuat dan dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

6.3 “Projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan” bermaksud suatu projek yang berhubung dengan—

- (a) penanaman tanaman industri, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah atau tanaman kontan;
- (b) akuakultur;

- (c) penternakan lebah madu atau kelulut;
  - (d) penternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri atau rusa;
  - (e) perikanan laut dalam;
  - (f) perikanan laut lepas;
  - (g) penanaman biji benih untuk agro makanan; atau
  - (h) penanaman makanan ternakan yang diusahakan dalam suatu projek yang dikenal pasti oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi projek itu dan diluluskan oleh Menteri.
- 6.4 Pendapatan yang dikecualikan dan tempoh pengecualian adalah seperti berikut:
- (a) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun daripada **projek baharu** bagi tempoh 10 (sepuluh) TT berturut-turut bermula dari tahun pertama taksiran orang yang layak itu memperoleh pendapatan berkanun berhubung dengan projek itu.
  - (b) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun daripada **projek pembesaran** bagi tempoh lima (5) TT berturut-turut bermula dari tahun pertama taksiran orang yang layak itu memperoleh pendapatan berkanun berhubung dengan projek pembesaran itu.
- 6.5 Tempoh pengecualian bermula daripada TT pertama koperasi memperoleh pendapatan berkanun daripada projek tersebut.
- “Projek baharu” bermaksud projek pertama yang dijalankan oleh orang yang layak bagi maksud melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dan projek itu diluluskan oleh Menteri.
- “Projek pembesaran” bermaksud suatu projek yang dijalankan oleh orang yang layak bagi maksud membesarkan projek pengeluaran bahan makanan sedia ada yang diluluskan yang mana projek pembesaran itu:
- (a) tidak pernah diberi pengecualian cukai dibawah perintah-perintah ini;
  - (b) melibatkan suatu kawasan tanah baharu; dan
  - (c) diluluskan oleh Menteri.
- 6.6 Pengecualian tidak terpakai kepada koperasi bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana koperasi itu telah diberi insentif lain seperti yang disenaraikan dalam perintah-perintah pengecualian tersebut.

Permohonan bagi insentif ini perlulah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPKM. Kriteria adalah termasuk jenis, spesis, keluasan tanaman/ ternakan, hasil keluaran minimum atau kriteria lain yang ditentukan oleh KPKM. Permohonan yang tidak memenuhi kriteria minimum ini boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai kriteria lain seperti penggunaan teknologi, mempunyai nilai komersial, jumlah pengeluaran tinggi dan pengeluaran bernilai tinggi. Maklumat lanjut berkaitan kriteria ini boleh dirujuk kepada Garis Panduan Permohonan Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPKM. Selain daripada kriteria yang ditetapkan, orang yang layak juga perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh KPKM seperti dalam surat kelulusan sebelum pengecualian cukai boleh dituntut.

**7. Insentif cukai bagi perbelanjaan modal yang layak daripada aktiviti yang layak atau aktiviti khas yang layak di Wilayah Ekonomi Pantai Timur**

7.1 Koperasi berasaskan pertanian, Pertubuhan peladang, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Negeri dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada:

- (a) suatu aktiviti yang layak yang bersamaan dengan amaun elaun sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh lima (5) tahun berturut-turut dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2016] [P.U.(A) 157/2016] (Pindaan) 2023 [P.U.(A) 344/2023].
- (b) suatu aktiviti khas yang layak yang bersamaan dengan kadar elaun yang ditentukan oleh Menteri yang tidak kurang daripada 60% dan tidak melebihi 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh tahun taksiran berturut-turut sebagaimana ditentukan oleh Menteri di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2016] [P.U.(A) 158/2016] (Pindaan 2023) [P.U.(A) 345/2023].

7.2 Perbelanjaan modal (seperti yang dinyatakan dalam jadual di perintah-perintah ini) berhubung bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi menjalankan aktiviti yang layak atau aktiviti khas yang layak—

- (a) yang belum dijalankan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur; atau
- (b) yang telah dijalankan tidak melebihi satu tahun dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

7.3 Perbelanjaan modal yang layak tidak termasuk—

- (a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal; dan

- (b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan bagi kegunaan pengarah atau individu yang terlibat dalam pengurusan, pentadbiran dan kerja perkeranian.

**7.4 Pengecualian tidak terpakai kepada—**

- (a) perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan awal daripada tiga (3) tahun daripada tarikh permohonan;
- (b) permohonan pengecualian cukai di bawah perintah ini yang diterima oleh Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur selepas 31.12.2024;
- (c) koperasi yang memulakan suatu aktiviti layak atau aktiviti khas yang layak selepas satu tahun dari tarikh kelulusan atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri.
- (d) koperasi bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana telah diberi insentif lain seperti yang disenaraikan dalam perintah-perintah pengecualian tersebut.

**8. Insentif cukai ke atas pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak atau aktiviti khas yang layak di Wilayah Ekonomi Pantai Timur**

8.1 Koperasi berasaskan pertanian, Pertubuhan peladang, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Negeri dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun yang diperolehi daripada—

- (a) suatu aktiviti yang layak pada kadar 100% bagi tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2016 [*P.U.(A)159/2016*] (Pindaan) 2023 [*P.U.(A) 346/2023*].
- (b) suatu aktiviti khas yang layak pada kadar tidak kurang daripada 70% dan tidak melebihi 100% bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Menteri di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2016 [*P.U.(A)160/2016*] (Pindaan) 2023 [*P.U.(A) 347/2023*].

8.2 Kedua-dua perintah pengecualian di perenggan 8.1(a) dan (b) di atas terpakai ke atas pendapatan berkanun yang diperolehi daripada suatu aktiviti yang layak atau aktiviti khas yang layak dengan syarat ia—

- (a) belum dijalankan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada tarikh permohonan insentif; atau
- (b) telah dijalankan tidak melebihi satu tahun dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebelum tarikh permohonan insentif.

8.3 Perintah-perintah pengecualian di perenggan 8.1(a) dan (b) di atas tidak terpakai kepada—

- (a) permohonan pengecualian cukai di bawah perintah ini yang diterima oleh Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur selepas 31.12.2024;
- (b) koperasi yang memulakan suatu aktiviti yang layak atau aktiviti khas yang layak selepas satu (1) tahun dari tarikh kelulusan atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri; atau
- (c) koperasi bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana telah diberi insentif lain seperti yang disenaraikan dalam perintah pengecualian ini.

#### Contoh 10

Koperasi Samudera Sdn. Bhd. (KSSB) adalah sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan sejak tahun 2022. KSSB telah memohon insentif aktiviti khas yang layak di bawah *P.U.(A)160/2016*. Dalam keadaan ini, KSSB tidak layak diberikan insentif di bawah Insentif Wilayah Ekonomi Pantai Timur kerana KSSB tidak memenuhi maksud suatu koperasi berasaskan pertanian sebagai mana yang ditetapkan dalam perintah pengecualian tersebut.

#### Contoh 11

Koperasi Mangga Sdn. Bhd. (KMSB) telah ditubuhkan pada 1.4.2023. KMSB telah memohon insentif di bawah *P.U.(A)159/2016* bagi menjalankan aktiviti yang layak bagi penanaman mangga pada 1.6.2023. Aktiviti penanaman belum dijalankan semasa permohonan dibuat. Oleh itu permohonan KMSB boleh dipertimbangkan untuk diberikan Insentif Wilayah Ekonomi Pantai Timur sekiranya syarat-syarat lain juga dipenuhi.

KMSB memperoleh pendapatan berkanun pertama dalam TT 2024. Oleh itu, KMSB layak menikmati pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun berkaitan projek penanaman mangga selama 10 TT berturut-turut mulai TT 2024 sehingga TT 2033 berdasarkan perintah pengecualian tersebut.

### 9. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)

9.1 Mengikut seksyen 77A ACP koperasi dikehendaki mengemukakan BNCP iaitu Borang C1 kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tempoh 7 bulan dari tarikh selepas penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas bagi sesuatu TT.

9.2 Sesuatu koperasi walaupun layak dikecualikan cukai bagi suatu tahun

taksiran, koperasi tersebut dikehendaki mengemukakan BNCP dan menentukan pendapatan larasan atau kerugian larasan serta elaun modal untuk TT berkenaan.

## **10. Amaun yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan oleh koperasi**

10.1 Dividen yang dibayar, dikredit atau diagihkan kepada anggota suatu koperasi dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 12A Jadual 6 ACP, sama ada koperasi tersebut dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan atau tidak.

10.2 Apa-apa laba, keuntungan, faedah atau bonus yang diterima oleh anggota dan bukan anggota yang bermastautin daripada deposit yang disimpan dalam koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2008 [P.U.(A)351/2008] (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 211/2009] .

## **11. Pindaan dan Pengemaskinian**

KU ini menggantikan KU No.9/2011 bertarikh 16.11.2011. Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:

| Perenggan | Penerangan                                                                       |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 1         | Perenggan 1.1 dipinda.                                                           |
| 2         | Perenggan 2.2 dipinda.                                                           |
| 3         | Perenggan 3.3 dipinda.                                                           |
|           | Perenggan 3.4 dipinda.                                                           |
| 5         | Perenggan 5.3 dipinda.                                                           |
|           | Subperenggan 5.4.3 dipinda. Contoh 1 dipinda dan dikemaskini. Contoh 2 ditambah. |
|           | Perenggan 5.5 dipinda. Contoh 3 dan 4 dipinda dan dikemaskini.                   |
|           | Perenggan 5.7 dipinda. Contoh 5,6,7,8 dan 9 dikemaskini.                         |
| 6         | Perenggan 6 dipinda dan dikemaskini.                                             |
| 7         | Perenggan 7 ditambah.                                                            |

|    |                                                  |
|----|--------------------------------------------------|
| 8  | Perenggan 8 ditambah. Contoh 10 dan 11 ditambah. |
| 11 | Perenggan 11 ditambah.                           |
| 12 | Perenggan 12 ditambah.                           |

## **12. Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**